



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

**KENYATAAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH MARA**



1. Tawaran adalah di pelawa kepada kakitangan MARA, Anak Syarikat MARA, Syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

CADANGAN PENJUALAN SEBUT HARGA BAGI SATU (1) UNIT KENDERAAN TERPAKAI MARA :

1) KERETA PROTON PERDANA 2.4 L EXECUTIVE : WA 6082 A

NO SEBUT HARGA	TARIKH, MASA & TEMPAT LAWATAN TAPAK	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
086/2025/10/B	TEMPAT LETAK KERETA (BASEMENT 1) Bangunan Medan MARA, Ibu Pejabat MARA, Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur Tarikh Lawatan Tapak : 12/11/2025 – Masa : 10.30 Pagi – 11.30 Tengahari	04/11/2025 Hingga 11/11/2025	RM 5.00	19/11/2025 Rabu (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat melalui **Kad Debit. Wang ini tidak akan dikembalikan.** Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
3. Dokumen sebut harga boleh didapati pada **waktu pejabat hari Isnin – hari Khamis (8.30 pagi – 1.00 petang) / (2.00 petang - 4.30 petang), hari Jumaat (8.30 pagi -12.15 tengah hari) / (2.45 petang – 4.30 petang)** (di alamat seperti di bawah). Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.

4. **Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk membeli dokumen.** Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan membeli dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan.

5. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**
6. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER)
LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR
Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari

8. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
9. Sebarang urusan sebut harga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.